

21/4/06

Terowong SMART dijangka beroperasi tahun depan

KUALA LUMPUR 20 April – Projek Terowong Jalan dan Pengurusan Air Banjir (SMART) telah siap 78 peratus dan dijangka dapat memulakan operasinya pertengahan tahun depan.

Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Datuk Keizrul Abdullah berkata, sehingga kini mesin penggerudi kedua, *Gemilang* yang bertanggungjawab menggerudi terowong SMART sepanjang empat kilometer menghala ke selatan berjaya menyempurnakan tugas hingga ke destinasi terakhir di Taman Desa hari ini.

Bagaimanapun, penantian hampir 100 tetamu termasuk pihak media untuk menyaksikan *Gemilang* muncul membelah bumi sejak pukul 4 petang 'terkubur' begitu sahaja apabila berlaku 'masalah teknikal'.

Ekoran masalah tersebut, mesin bernilai RM150 juta itu masih tidak menampakkan 'wajahnya' sehingga pukul 7 malam menyebabkan ramai tetamu termasuk Keizrul terpaksa bergegas pulang dengan hampa.

Sebelum itu, pada sidang akhbar, Keizrul memberitahu, *Gemilang* dipertanggungjawabkan menggerudi terowong SMART menghala ke selatan bermula di Padang Jabatan Kerja Raya, Jalan Chan Sow Lin pada 31 Ogos tahun lalu.

"*Gemilang* berjaya menggerudi terowong sepanjang 3,968 meter manakala *Tuah* yang diberi tanggungjawab menggerudi terowong bahagian utara projek, terpaksa menggerudi terowong sepanjang 5.7 kilometer," katanya.